

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Selepas menjalankan kajian di tiga buah sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, penyelidik telah mendapat beberapa hasil kajian yang diinginkan. Melalui dapatan kajian ini juga, penyelidik berpendapat bahawa sampel kajian di tiga buah sekolah ini telah dan dapat mewakili populasi murid-murid yang menjalani pembelajaran Bahasa Arab di Selangor amnya dan di daerah Klang khususnya.

Hal ini kerana, ketiga-tiga buah sekolah yang disebutkan tadi merupakan sekolah yang telah menjalankan program j-Qaf sejak awal ditubuhkan program tersebut lagi. Begitu juga guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Arab di bawah program ini, merupakan guru-guru lepasan ijazah sarjana muda dari dalam dan luar negara. Mereka juga terlibat dengan latihan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebelum menjadi seorang guru profesional, dengan memperolehi Diploma Pendidikan dari Institusi Pendidikan Guru (IPG) yang pelbagai di negara ini.

Terdapat dikalangan guru-guru ini merupakan jurulatih utama subjek Bahasa Arab di peringkat negeri, yang mana mereka terlibat secara langsung untuk mewujudkan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Maka kerana itu saya berkeyakinan bahawa dapatan kajian daripada

penyelidikan ini dapat mewakili sebahagian besar populasi murid-murid sekolah rendah yang mengambil subjek Bahasa Arab di negeri ini.

4.2 Latar Belakang Sekolah

Melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik telah memilih tiga buah sekolah rendah sebagai bahan kajian oleh penyelidik. Ia adalah;

- a) Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah
- b) Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama
- c) Sekolah Kebangsaan Meru

Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah merupakan sebuah sekolah yang terletak di pinggir bandar Klang. Ia mula beroperasi pada tahun 2003 dengan guru seramai 23 orang. Sekolah ini terletak di Taman Sungai Kapar Indah yang telah dibangunkan oleh pihak Guthrie dan merupakan satu-satunya sekolah yang dibina seiring pembinaan kawasan perumahan Taman Sungai Kapar Indah.

Pada masa ini, Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah mempunyai guru serta kakitangan seramai 80 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Kebanyakan guru-guru ini adalah terdiri daripada *Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Lepas Diploma (PPPLD)* dan *Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Siswazah (PPPS)*. Guru-guru ini telah mendapat latihan pendidikan di Institut Pendidikan Guru (IPG)

serata Malaysia dan kebanyakan daripada mereka mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang masing-masing.

Sekolah Kebangsaan Meru pula terletak di kawasan pinggir bandar Klang. Ianya merupakan sekolah yang dibina dikawasan perindustrian 10 kilometer dari bandar Klang. Sekolah berkeluasan sederhana ini mempunyai 900 murid yang terdiri daripada 95% Melayu dan 5% India.

Seperti SK Sungai Kapar Indah, SK Meru juga mempunyai guru-guru yang terlatih daripada pelbagai bidang dan lapangan pengajian. Mereka terdiri daripada guru lepasan diploma dan lepasan ijazah sarjana muda daripada pelbagai institut perguruan di Malaysia. Sekolah yang mempunyai 92 orang guru ini mempunyai silibus sama seperti SK Sungai Kapar Indah yang mana mata pelajaran terasnya seperti Bahasa Melayu, Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam serta Moral.

Melalui program j-QAF, mata pelajaran serta asas pendidikan subjek bahasa Arab telah diperkenalkan di sekolah ini. Hasilnya, ramai dikalangan pelajar-pelajar sekolah ini telah mendapat asas-asas bahasa Arab yang baik.

Manakala SK Taman Klang Utama pula merupakan sekolah rendah yang terletak di tengah-tengah taman perumahan Klang Utama. Ia dibina pada tahun 1996 yang mana pada awal pembukaan sekolah ini, terdapat lebih kurang 600 orang murid yang bersekolah di sekolah ini.

Pada ketika ini, seramai dua orang guru bahasa Arab telah dihantar oleh pihak kementerian untuk mengajar subjek bahasa Arab di sini. Mereka terdiri daripada guru-guru yang terlatih dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang ini.

4.3 Analisis Kajian Soal Selidik Guru-guru Bahasa Arab.

Dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Arab, peranan guru amat penting dalam membentuk kefahaman murid terhadap subjek ini. Berjaya atau tidaknya pembelajaran bahasa Arab ini, bergantung kepada kejayaan guru semasa proses pengajarannya.

Menurut Omardin Ashaari (2001), tiap-tiap guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk melaksanakan tugas mereka. Dengan itu, mereka akan dapat melaksanakan segala tanggung jawab mereka secara teatur, kemas dan sempurna. Bidang tugas yang nyata akan dapat menyempurnakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di kalangan para pelajar. Kaum guru akan dapat mempertingkatkan pencapaian akademik para pelajar ke tahap yang lebih tinggi.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peranan guru amat penting dalam menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah. Bahkan apa yang lebih penting, pengajaran guru yang berkesan dapat membentuk sakshiah murid-murid itu sendiri hasil daripada pengaplikasian pelajaran yang diterima.

Melalui soal selidik yang dijalankan terhadap guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah yang dikaji, iaitu SK Sungai Kapar Indah, SK Meru dan SK Taman Klang Utama, penyelidik telah mendapatkan maklumat-maklumat yang dianggap penting bagi tujuan analisis data serta maklumat kajian. Analisis maklumat-maklumat kajian adalah sepertimana yang terpapar di bawah :

a) Bilangan Guru Bahasa Arab.

Berikut merupakan bilangan guru Bahasa Arab di tiga buah sekolah kajian penyelidik.

Jadual 4.1 : Taburan guru mengikut bilangan :

| Bil | Sekolah | Bilangan guru Bahasa Arab |
|------------|-----------------------|----------------------------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | 6 |
| 2 | SK Meru | 5 |
| 3 | SK Taman Klang Utama | 2 |

Berkaitan jadual di atas, taburan guru yang mengajar subjek bahasa Arab di setiap sekolah yang dikaji oleh pengkaji, adalah tidak sekata. Sebagai contoh, di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, bilangan guru yang mengajar subjek bahasa Arab adalah seramai enam orang.

Perkara ini adalah disebabkan oleh bilangan murid yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini adalah ramai. Maka disebabkan itu, pihak kementerian telah menghantar guru seramai enam orang untuk menampung jumlah murid di sekolah ini bagi subjek bahasa Arab.

Guru-guru ini pula ditugaskan untuk mengajar murid-murid yang terdiri daripada murid tahap satu dan dua. Murid tahap satu terdiri daripada murid tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Manakala murid tahap dua terdiri daripada murid tahun empat, tahun lima dan tahun enam.

Manakala di Sekolah Kebangsaan Meru pula, jumlah guru yang mengajar subjek bahasa Arab adalah seramai lima orang. Seperti juga Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru membahagikan guru-guru ini kepada tahap satu dan tahap dua.

Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula dibekalkan oleh pihak kementerian seramai dua orang guru bagi subjek bahasa Arab. Hal ini kerana murid di sekolah tersebut tidaklah seramai murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Meru. Dua orang guru ini pula diarahkan masing-masing mengajar murid tahap satu dan tahap dua.

b) Bilangan Guru Bahasa Arab Mengikut Gender.

Jadual 4.2 : Taburan guru mengikut jantina :

| Bil | Sekolah | Jantina | Jumlah |
|------------|---------------------------------------|-------------------------|---------------|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah | 2 lelaki 4 perempuan | 6 orang |
| 2 | Sekolah Kebangsaan Meru | 1 lelaki 4 perempuan | 5 orang |
| 3 | Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama | 0 lelaki 2 perempuan | 2 orang |

Jadual di atas menunjukkan taburan jantina guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Arab di tiga buah sekolah yang dikaji oleh penyelidik. Di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, terdapat dua orang guru lelaki dan empat orang guru perempuan. Manakala di Sekolah Kebangsaan Meru, terdapat seorang guru lelaki dan empat orang guru perempuan. Berlainan di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, tiada guru lelaki, hanya terdapat dua orang guru perempuan sahaja yang mengajar subjek bahasa Arab.

Senario ini pada hakikatnya telah melanda dunia perguruan, dimana lebih ramai guru perempuan berbanding dengan guru lelaki. Pun begitu, banyak usaha telah dimainkan oleh pihak kerajaan, khususnya pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, untuk meramaikan golongan lelaki dalam dunia perguruan. Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Dr Zahri Aziz (Berita Harian,5/4/2010), lebih 80

peratus atau 54,400 daripada kira-kira 68,000 permohonan untuk mengikuti *Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI)* yang diterima Kementerian Pelajaran bagi pengambilan Jun 2010 membabitkan golongan wanita.

c) Tahap Pendidikan Guru Bahasa Arab.

Jadual 4.3 : Taburan guru mengikut tahap pendidikan :

| Bil | Sekolah | Jumlah guru | Tahap pendidikan |
|------------|---------------------------------------|--------------------|-------------------------|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah | 6 orang | - Ijazah Sarjana Muda |
| 2 | Sekolah Kebangsaan Meru | 5 orang | - Ijazah Sarjana Muda |
| 3 | Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama | 2 orang | - Ijazah Sarjana Muda |

Jadual di atas menunjukkan latar belakang tahap pendidikan bagi setiap guru yang mengajar subjek bahasa Arab di tiga buah sekolah yang dikaji oleh penyelidik. Hasil daripada soal selidik yang dibuat, penyelidik mendapati kesemua guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab ini mempunyai Ijazah Sarjana Muda daripada pelbagai institusi pendidikan samada dari dalam dan luar negara.

Hal ini kerana, guru-guru ini merupakan keluaran program j-QAF, dan program di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia ini mewajibkan kesemua guru-guru yang menyertai program ini, haruslah mempunyai sekurang-kurangnya ijazah pertama dalam bidang pengajian mereka. Maka disebabkan itulah, kesemua guru-guru yang mengajar bidang bahasa Arab di bawah program j-QAF mempunyai ijazah sarjana muda, samada dalam bidang pengajian bahasa Arab, mahupun Pendidikan Islam.

d) Pendidikan Guru Berdasarkan Institusi Dalam dan Luar Negara.

Jadual 4.4 : Taburan guru mengikut institusi pendidikan dalam dan luar negara :

| Bil | Sekolah | Jumlah guru | Dalam negara | Luar negara |
|------------|---------------------------------------|--------------------|---------------------|--------------------|
| 1 | Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah | 6 orang | Seorang | 5 orang |
| 2 | Sekolah Kebangsaan Meru | 5 orang | Seorang | 4 orang |
| 3 | Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama | 2 orang | Tiada | 2 orang |

Jadual di atas merupakan taburan tahap pendidikan bagi guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab di SK Sungai Kapar Indah, SK Meru dan SK Taman Klang Utama. Melalui jadual ini, didapati bahawa majoriti guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Arab ini mendapat pendidikan mereka daripada institusi luar negara seperti Mesir dan Jordan. Manakala guru-guru yang mendapat pendidikan dalam negara

pula adalah seperti dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penyelidik melalui kajian ini mendapati, guru-guru yang menerima pendidikan bahasa Arab di luar negara seperti Mesir dan Jordan mempunyai kelebihan tersendiri. Ini kerana, mereka sudah biasa dengan perbualan dan *muamalah* menggunakan bahasa Arab. Hal ini secara tidak langsung, memudahkan proses pengajaran mereka, khususnya yang menggunakan kaedah *muhawarah* dalam pembelajaran murid-murid berkenaan subjek bahasa Arab.

e) Metodologi Pengajaran Guru

Melalui soal selidik yang dijalankan oleh penyelidik, beberapa kaedah telah digunakan oleh guru-guru bahasa Arab sepanjang proses pengajaran berlangsung. Berikut merupakan jadual taburan metodologi atau kaedah yang biasa digunakan oleh guru ketika mengajar subjek bahasa Arab.

Jadual 4.5: Taburan kaedah yang digunakan ketika mengajar subjek bahasa Arab:

| Bil | Metodologi / Kaedah | Sekolah | Bilangan | Peratus |
|-----|-----------------------|---------------------------------|-------------------------|-----------------------------|
| 1 | Hiwar | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 2/6 - 3/5 - 2/2 | - 33 % - 60 % - 100 % |
| 2 | Latih tubi | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 3/6 - 0/5 - 1/2 | - 50 % - 0 % - 50 % |
| 3 | Mendengar dan membaca | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 2/6 - 3/5 - 2/2 | - 33 % - 60 % - 100 % |

| | | | | |
|---|---------------------|---------------------------------|-------------------------|----------------------------|
| 4 | Mencari makna | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 3/6 - 1/5 - 0/2 | - 50 % - 20 % - 0 % |
| 5 | Menghafaz perkataan | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 1/6 - 3/5 - 1/2 | - 17 % - 60 % - 50 % |
| 6 | Nyanyian | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 0/6 - 1/5 - 0/2 | - 0 % - 20 % - 0 % |

Jadual seperti mana yang tertera di atas merupakan antara kaedah yang diguna pakai oleh guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah tersebut. Ia merupakan antara kaedah yang popular dan sering digunakan oleh mana-mana guru bahasa Arab. Antara sebab utama penggunaan kaedah ini sering digunakan adalah, cara pelaksanaannya yang mudah dan lebih efektif.

Melihat kepada jadual di atas, kita dapati bahawa setiap guru di setiap sekolah mempunyai pendekatan yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, kaedah muhawarah menjadi pilihan bagi guru-guru bahasa Arab di SK Taman Klang Utama yang mana jumlahnya adalah 100 %. Ia diikuti oleh SK Meru sebanyak 60 % dan SK Sungai Kapar Indah, 33 %.

Selain daripada itu, kaedah-kaedah lain seperti latih tubi, mendengar dan membaca, mencari makna, menghafaz perkataan dan nyanyian turut digunakan oleh guru-guru dalam sesi pengajaran. Nyanyian dilihat sebagai kaedah yang kurang popular berbanding kaedah lain. Hal ini mungkin disebabkan guru-guru bahasa Arab kurang mendapat pendedahan cara untuk menyanyi, walaupun ia dilihat dapat menarik perhatian murid-murid.

f) Permasalahan Pengajaran Guru

Jadual 4.6 : Taburan permasalahan yang dihadapi oleh guru bahasa Arab

| Bil | Permasalahan | Sekolah | Bilangan | Peratus |
|------------|--|---------------------------------|-------------------------|----------------------------|
| 1 | Kurang perbendaharaan kata | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 5/6 - 3/5 - 1/2 | - 83 % - 60 % - 50 % |
| 2 | Kurang tumpuan | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 3/6 - 1/5 - 1/2 | - 50 % - 20 % - 50 % |
| 3 | Tidak faham | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 1/6 - 2/5 - 0/2 | - 16 % - 40 % - 0 % |
| 4 | Gangguan murid yang tidak mengambil subjek bahasa Arab | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 1/6 - 0/5 - 0/2 | - 16 % - 0 % - 0 % |
| 5 | Tempoh pengajaran singkat | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 4/6 - 3/5 - 1/2 | - 67 % - 60 % - 50 % |
| 6 | Murid kurang minat | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 0/6 - 2/6 - 1/2 | - 0 % - 33 % - 50 % |

Jadual di atas menunjukkan permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru ketika melakukan aktiviti pengajaran bahasa Arab. Antara permasalahan yang paling jelas adalah, kurangnya perbendaharaan kata yang dikuasai oleh murid-murid. Hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menghadapi sedikit kesukaran. Umum mengetahui bahawa mempelajari sesuatu bahasa asing itu memerlukan perbendaharaan dan kosa kata yang banyak.

Selain daripada itu, tempoh pengajaran dan pembelajaran yang sangat singkat pula dilihat permasalahan kedua terbesar yang dihadapi oleh guru-guru. Dalam sistem yang diputuskan oleh pihak kementerian, tempoh pembelajaran bahasa Arab adalah sebanyak 60 minit, atau bersamaan sejam bagi setiap minggu. Masalah di sini ialah,

murid-murid kebiasaannya akan lupa dengan pembelajaran yang mereka terima yang hanya memakan masa selama sejam bagi tempoh seminggu. Lazimnya, murid-murid ini akan lupa dengan pembelajaran mereka pada minggu lepas. Sedangkan, proses pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan mengikut silibus yang telah ditetapkan.

g) Pandangan Guru Terhadap *Muhawarah* Sebagai Kaedah Pengajaran

Melalui item soal selidik yang dijalankan, guru-guru bahasa Arab ini memberikan pandangan mereka terhadap kaedah muhawarah. Ada diantara mereka mengatakan, kaedah muhawarah dapat mempercepatkan proses penerimaan pembelajaran murid-murid. Selain itu, kaedah ini juga dilihat dapat ‘mendekatkan’ diri murid-murid kepada bahasa Arab. Perkara ini adalah disebabkan aktiviti muhawarah merupakan aktiviti yang berpusatkan murid-murid. Murid-murid yang melakonkan untuk diperlihatkan kepada murid-murid sendiri.

Pendapat daripada guru di SK Taman Klang Utama, kaedah muhawarah ini dapat melatih murid-murid menyebut perkataan Arab dengan cara yang betul dan dengan *lahjah* yang baik. Disamping itu, ia dapat memberi keyakinan yang tinggi kepada murid-murid dalam berinteraksi menggunakan bahasa Arab.

Kebanyakan guru-guru juga bersetuju mengatakan bahawa kaedah *muhawarah* ini hakikatnya, dapat menambahkan lagi perbendaharaan kata bahasa Arab kepada murid-murid. Ini sekali gus memberikan impak yang baik kepada pengajaran guru.

h) Kekerapan Guru Menggunakan Kaedah *Muhawarah*

Jadual 4.7 : Taburan kekerapan penggunaan kaedah *muhawarah* oleh guru

| Bil | Kekerapan | Sekolah | Bilangan | Peratus |
|-----|-------------------------------|---------------------------------|-------------------------|--------------------------|
| 1 | Tidak pernah | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 0/6 - 0/5 - 0/2 | - 0% - 0% - 0% |
| 2 | Kadang-kadang | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 0/6 - 2/5 - 0/2 | - 0% - 40% - 0% |
| 3 | Pernah (hanya mengikut topik) | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 2/6 - 1/5 - 2/2 | - 33% - 20% - 100% |
| 4 | Kerap | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 4/6 - 1/5 - 0/2 | - 67% - 20% - 0% |
| 5 | Sentiasa | - SKSKI - SK Meru - SKTKU | - 0/6 - 0/5 - 0/2 | - 0% - 0% - 0% |

Jadual di atas menunjukkan tahap kekerapan penggunaan *muhawarah* sebagai kaedah pengajaran bahasa Arab oleh guru-guru. Soal selidik yang menggunakan skala *likert* ini menunjukkan bahawa peratus yang tinggi adalah pada tahap ‘pernah’. Hal ini sekali gus memberitahu kita bahawa guru-guru bahasa Arab pernah dan tahu menggunakan kaedah *muhawarah* dalam pengajaran mereka walaupun hanya beberapa kali.

Manakala tahap ‘tidak pernah’ dan ‘sentiasa’ berada pada tahap 0% bagi ketiga-tiga buah sekolah. Walaupun demikian, tahap ‘kadang-kadang’ dan ‘kerap’ juga telah dipilih oleh guru-guru bahasa Arab ini. Ini menunjukkan bahawa kaedah *muhawarah* adalah suatu kaedah yang tidak asing bagi mereka.

4.4 Pengajaran Muhawarah di Kalangan Guru-guru Bahasa Arab.

4.4.1 Konsep teknik pengajaran.

Melalui sub topik teknik pengajaran *muhawarah* ini, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana keberkesanan kaedah ini dalam kefahaman murid-murid terhadap pengajaran guru-guru.

Sesungguhnya konsep teknik dalam pengajaran ini banyak. Ia bersesuaian dengan kesesuaian seseorang guru dalam menggunakan kaedah tersebut. Ia juga berkait rapat dengan keselesaan seseorang guru dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan tertentu.

Selain daripada itu, penggunaan sesuatu teknik pengajaran itu berkaitan juga dengan tahap penerimaan serta kebolehan kognitif seseorang atau sekumpulan murid itu dalam menerima sesuatu pengajaran yang disampaikan oleh guru. Sebagai contoh, sekumpulan murid yang lemah, tidak mampu menerima teknik pengajaran tahap tinggi. Begitu juga murid yang cemerlang, tidak sesuai menggunakan teknik untuk murid yang lemah.

Menurut Ee, Ah Meng (1987), sesuatu kaedah pengajaran adalah terdiri daripada beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan yang tertentu. Pengajaran yang dimaksudkan ialah segala aktiviti seseorang untuk menghasilkan

perubahan tingkah laku yang agak kekal dalam diri seseorang yang lain. Contoh-contoh kaedah pengajaran adalah seperti bercerita, perbincangan, bermain, latih tubi, main peranan, menyelesaikan masalah, *brain storming*, perbahasan, kuiz, dialog, lakonan, projek, soalan dan lain-lain lagi.

Definisi teknik pengajaran pula adalah, kemahiran atau perkara-perkara khusus yang terdapat dalam sesuatu kaedah yang digunakan. Jika seseorang guru itu tidak dapat menguasai teknik-teknik yang ada pada sesuatu kaedah, maka kemungkinan besar matlamat kaedah itu akan tidak berhasil dan berjaya.

Berbanding teknik pengajaran, definisi pendekatan pengajaran pula bermaksud, haluan atau aspek yang digunakan untuk mendekati atau memulakan proses pengajaran sesuatu isi pelajaran, sesuatu mata pelajaran atau beberapa mata pelajaran atau sesuatu kemahiran yang ingin diajar. Pendekatan-pendekatan wujud berdasarkan perkara-perkara atau aspek-aspek pengajaran yang kita ingin utamakan atau memberi perhatian yang lebih utama.

Maka oleh kerana itu, ada kalanya pendekatan menyerupai klasifikasi pengajaran di mana jenis-jenis pendekatan wujud berdasarkan kriteria-kriteria yang kita gunakan untuk meneliti proses pengajaran. Pendekatan-pendekatan pengajaran boleh digolongkan mengikut cara pengelolaan murid, cara-cara fakta itu disampaikan,

keaktifan pengajaran atau pelajar, pengajaran bahasa dan pengajaran mata pelajaran lain.

Manakala strategi pula adalah cara atau susun atur kita tentang bagaimana kita ingin mengacu sesuatu mata pelajaran atau kemahiran yang ingin disampaikan, lebih mudah difahami dan dekat dengan pelajar.

4.4.2 Kaedah *muhawarah*

Muhawarah atau ertikata dalam bahasa Melayu bermaksud, perbualan atau dialog, merupakan salah satu teknik yang digunakan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran berkaitan bahasa. Ianya turut diguna pakai oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah.

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat, dialog bermaksud *kata-kata yg dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen*. Perbualan pula bermaksud *perihal berbual (membual), percakapan*.

Dapat disimpulkan bahawa *muhawarah* ini adalah merupakan satu aktiviti atau sesuatu perbuatan yang mempunyai dialog atau perbualan sama ada dua orang atau lebih. Dalam konteks pengajaran, ianya merupakan satu teknik yang diguna pakai

dalam menyampaikan sesuatu pengajaran dengan cara berdialog atau berbual diantara dua orang murid, atau lebih.

4.4.3 Isi kandungan buku teks yang mempunyai topik berkaitan *muhawarah*.

Buku teks subjek bahasa Arab yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kepada semua sekolah di negara ini, mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Selain daripada pendekatan yang menarik, buku teks bahasa Arab ini dilengkapi teknik-teknik yang memudahkan pengajaran oleh guru-guru. Melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik menggunakan buku teks bahasa Arab tahun enam sebagai salah satu bahan kajian oleh penyelidik.

Dalam buku teks bahasa Arab tahun enam ini, penyelidik mendapati kebanyakan topik yang terkandung dalam buku ini, mempunyai pendekatan teknik *muhawarah*. Hal ini mungkin disebabkan pendekatan ini adalah lebih mesra pembaca dan lebih mudah difahami berbanding teknik-teknik yang lain.

Melalui tinjauan terhadap buku teks tahun enam karangan Majdi Hj Ibrahim et.al (2007), penyelidik mendapati terdapat 10 topik yang mempunyai pendekatan *muhawarah*.

Jadual 4.8 : Taburan topik-topik yang mempunyai pendekatan *muhawarah* yang terkandung dalam buku teks tahun enam.

| Bil | Topik | Muka surat |
|-----|-----------------------|------------|
| 1 | فِي الْمَقْصِفِ | 1-8 |
| 2 | الْيَوْمُ الرِّيَاضِي | 9-18 |
| 3 | مِهَنٌ شَرِيفَةٌ | 19-26 |
| 4 | فِي سُوقِ اللَّيْلِ | 27-36 |
| 5 | رَمَضَانَ كَرِيمًا | 37-46 |

| | | |
|----|---|-------|
| 6 | بِلَادِي الْحَبِيبَةِ | 47-56 |
| 7 | الْإِحْتِفَالُ بِالْيَوْمِ الْوَطَنِيِّ | 57-64 |
| 8 | عَلَى أَبْوَابِ الْإِمْتِحَانِ | 65-72 |
| 9 | السَّفَرُ بِالْقَطَارِ | 73-80 |
| 10 | رِحْلَةٌ سَعِيدَةٌ | 81-88 |

Setelah melihat topik-topik buku teks bahasa Arab tahun enam, penyelidik mendapati kesemua topik ini mempunyai pendekatan teknik *muhawarah*. Hal ini jelas apabila setiap topik ini, pada muka surat hadapannya didahului dengan dialog dan perbualan.

Jadual 4.9 : Pengertian bagi kesemua topik-topik di atas :

| Bil | Topik | Pengertian topik |
|-----|---|-------------------------------|
| 1 | فِي الْمَقْصِفِ | Di Kedai Koperasi |
| 2 | الْيَوْمِ الرِّيَاضِي | Hari Sukan |
| 3 | مِهْنٌ شَرِيفَةٌ | Pekerjaan Yang Mulia |
| 4 | فِي سُوقِ اللَّيْلِ | Di Pasar Malam |
| 5 | رَمَضَانَ كَرِيمًا | Ramadan Yang Mulia |
| 6 | بِلَادِي الْحَبِيبَةِ | Negaraku Yang Tercinta |
| 7 | الْأَحْتِفَالُ بِالْيَوْمِ الْوَطَنِيِّ | Sambutan Hari Kemerdekaan |
| 8 | عَلَى أَبْوَابِ الْأَمْتِحَانِ | Di Ambang Peperiksaan |
| 9 | السَّفَرُ بِالْقَطَارِ | Perjalanan Dengan Keretapi |
| 10 | رِحْلَةٌ سَعِيدَةٌ | Perkelahan Yang Menyeronokkan |

4.4.4 Fasa persediaan kelas oleh guru.

Setiap guru yang mengajar, tidak kira untuk mata pelajaran bahasa Arab atau mata pelajaran lain, seharusnya membuat persediaan kelas terlebih dahulu. Ini bagi memastikan, murid-murid dapat bersedia dengan pengajaran yang akan disampaikan oleh guru. Hal ini sangat penting kerana, tanpa persediaan kelas yang baik, murid-murid tidak dapat menumpukan pengajaran dengan lebih berkesan. Fasa persediaan kelas ini boleh diertikan sebagai *set induksi*.

Menurut K. Mohd Khir (2009), set induksi ini penting untuk menarik perhatian pelajar agar menumpukan perhatian terhadap topik atau perkara yang hendak dibincangkan oleh guru di dalam kelas. Sekiranya set induksi tidak digunakan dalam pengajaran, sudah pasti pelajar akan berasa bosan dan kurang memberikan perhatian terhadap pengajaran guru. Oleh itu, guru-guru haruslah menggunakan set induksi yang mudah tetapi menarik perhatian pelajar di dalam kelas.

Antara set induksi yang boleh digunakan adalah seperti gambar, surat khabar, majalah, benda-benda maujud seperti raket badminton, gunting, topi, songkok, komputer riba, telefon bimbit, radio dan sebagainya. Sebagai contohnya, jika guru-guru hendak membincangkan sajak *Tukang Gunting*, guru-guru bolehlah menggunakan gunting sebagai set induksinya. Bagi pengajaran sajak *Anak Laut*, guru boleh menggunakan gambar nelayan atau perahu sebagai set induksinya.

Dalam bahagian ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana penggunaan set induksi atau persediaan kelas ini, yang telah dilakukan oleh guru-guru Bahasa Arab di ketiga-tiga buah sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

4.4.4.1 Fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Bagi mengkaji fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini, penyelidik telah berbincang terlebih dahulu dengan seorang guru Bahasa Arab tahun enam, untuk melakukan tinjauan di kelas beliau.

Sebagai merealisasikan perkara ini, penyelidik telah menetapkan satu hari untuk melakukan tinjauan tersebut. Dalam pemerhatian yang dijalankan ini, pengkaji telah melihat kaedah ataupun teknik persediaan kelas oleh guru Bahasa Arab tersebut, sebelum melakukan sesi pengajaran dan pembelajaran. Bagi tinjauan yang dilakukan ini, guru telah memilih topik *بِلَادِي الْحَبِيبَةِ* [bilaadil habibah] yang bermaksud “*Negaraku Yang Tercinta*”.

Semasa sesi persediaan kelas dijalankan, guru tersebut menerangkan serba sedikit tentang latar belakang topik yang akan diajar pada hari tersebut. Guru juga bertanya tentang adakah murid-murid pernah membaca atau menyemak topik tersebut

sebelum ini. Penyelidik melihat perkara ini bahawa seolah-olah guru ingin melihat sejauh mana pengetahuan sedia ada murid-murid terhadap topik yang akan diajar.

Semasa proses persediaan kelas ini, seramai 20 daripada 45 orang murid memberikan respon ketika guru bertanyakan pengetahuan sedia ada murid. Manakala selebihnya tidak memberikan sebarang respon.

Selain daripada itu, guru telah meminta beberapa orang murid untuk menyebutkan beberapa patah perkataan yang terdapat dalam topik tersebut. Selepas itu, guru memberikan makna bagi setiap patah perkataan yang disebut oleh murid-murid.

Penyelidik melihat aktiviti yang dilakukan ini, dapat membiasakan murid-murid dengan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam topik tersebut. Selain daripada itu, aktiviti ini juga dapat memberikan murid-murid beberapa perbendaharaan kata baru Bahasa Arab kepada mereka melalui topik yang dipelajari tersebut.

Hal ini kerana, untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan baik, seseorang murid itu perlulah mempunyai perbendaharaan kata atau *vocabulary* yang banyak. Begitu juga halnya dengan mempelajari Bahasa Arab, seseorang murid itu perlulah mempunyai perbendaharaan kata yang banyak untuk memudahkan mereka memahami bahasa tersebut.

4.4.4.2 Fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Meru.

Fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Meru perlu agak berlainan sedikit dengan fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah. Penyelidik telah menjalankan tinjauan di sana dalam mendapatkan dapatan kajian untuk penyelidikan ini. Topik yang diajar oleh guru ketika penyelidik menjalankan tinjauan adalah بِالْأَدِي الْحَبِيْبَةُ [bilaadil habibah] yang bermaksud “*Negaraku Yang Tercinta*”.

Semasa *set induksi* dilakukan di awal pengajaran, guru telah merangsang murid-murid dengan beberapa *perkataan kelas*, atau istilahnya sebagai *lughatul fasl*. Perkataan-perkataan ini ialah :

- كَيْفَ حَالُكُمْ = Apa khabar anda semua?
- مَسَاءً الْخَيْرِ = Selamat petang.
- صَبَاحَ الْخَيْرِ = Selamat pagi.

Pendekatan dengan menggunakan *lughatul fasl* ini sebenarnya dapat menfokuskan minda murid-murid terhadap pelajaran dan topik yang ingin diajarkan pada hari tersebut. Penyelidik mendapati majoriti murid-murid dalam keadaan bersedia dengan tumpuan masing-masing ke arah guru. Tidak ramai dikalangan murid-murid ini berbuat sesuatu yang tidak diinginkan seperti bercakap atau berbual sesama sendiri.

Perkara ini juga adalah disebabkan istilah-istilah *perkataan kelas*, atau *lughatul fasil* ini yang berperanan dalam aktiviti dialog, atau perbualan diantara guru dan murid-murid. Apabila adanya perkataan-perkataan yang berbentuk soalan ini yang ditujukan kepada murid-murid, mereka akan memberikan respon dengan menjawab soalan guru tersebut. Ini akan menyebabkan tumpuan mereka terarah kepada guru tersebut dan mereka bersedia untuk menerima pelajaran seterusnya.

Selain daripada itu, guru mengarahkan murid-murid supaya membuka lembaran buku teks dengan menggunakan bahasa Arab sebagai kata pengantar. Dengan cara ini, murid-murid akan terfokus mindanya apabila mereka cuba mengingat kembali urutan nombor dalam bahasa Arab untuk membuka muka surat tersebut.

Selepas daripada itu, guru bertanyakan murid-murid tentang apakah makna bagi perkataan *بِلَاد* [bilaad]. Tinjauan penyelidik mendapati tidak seorang pun dikalangan murid-murid pada ketika tinjauan dijalankan, mengetahui apakah erti perkataan *بِلَاد* [bilaad].

Justeru, sebelum guru memberikan jawapan kepada murid-murid tentang pengertian perkataan tersebut, penyelidik melihat guru cuba mengaitkan perkataan *بِلَاد* [bilaad] tersebut dengan perkataan seerti dalam Bahasa Inggeris, iaitu *country*.

Selain perkataan بِلَاد [bilaad], guru juga bertanya kepada murid-murid tentang perkataan الْحَبِيبَةِ [alhabibah]. Seperti perkataan بِلَاد [bilaad] tadi, murid-murid juga tidak mengetahui erti bagi perkataan tersebut. Maka di sini penyelidik mendapati guru sekali lagi cuba untuk mengaitkan perkataan الْحَبِيبَةِ [alhabibah] dengan perkataan bahasa inggeris yang sinonim dengan maknanya, iaitu *beloved*. Setelah guru merangsangkan kognitif murid-murid dengan dua perkataan bahasa Inggeris ini, barulah murid-murid dapat mengagak atau membayangkan erti dua perkataan tersebut, iaitu *Negaraku Yang Tercinta*.

4.4.4.3 Fasa persediaan kelas di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama

Bagi Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula, tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik mendapati, guru yang mengajar untuk topik بِلَادِي الْحَبِيبَةِ [bilaadil habibah] telah menggunakan gambar bangunan-bangunan yang terdapat disekitar ibu negara Kuala Lumpur sebagai *Bahan Bantu Mengajar* (BBM).

Guru bertanya kepada murid-murid tentang apakah persepsi mereka terhadap gambar yang ditunjukkan kepada mereka. Murid-murid secara beramai-ramai menjawab bahawa gambar tersebut adalah gambar sebuah bangunan.

Seterusnya guru mengaitkan gambar tersebut dengan negara Malaysia. Guru juga bertanya adakah murid-murid mempunyai perasaan kasih-sayang dan cinta kepada negara Malaysia. Murid-murid juga menjawab bahawa mereka sayang dan cintakan negara Malaysia.

Langkah seterusnya guru mengaitkan gambar tersebut dengan topik yang ingin diajar pada hari tersebut. Pada pendekatan set induksi yang dilakukan oleh guru ini, penyelidik melihat berlakunya tumpuan yang penuh daripada murid-murid.

Hal ini kerana, secara psikologinya, kanak-kanak amat menyukai dan tertarik kepada sebarang gambar yang ditunjukkan kepada mereka. Apatah lagi gambar tersebut belum pernah dilihat oleh mereka. Aktiviti yang dilakukan oleh guru bahasa Arab dari Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama ini sebenarnya secara tidak langsung turut menarik perhatian dan tumpuan murid-murid kepada topik yang ingin diajar pada hari tersebut.

Jadual 4.10 : Taburan persediaan kelas (set induksi) oleh guru-guru

| Bil | Sekolah | Topik | Bentuk persediaan kelas | Jumlah tumpuan murid | Peratus tumpuan murid |
|------------|-----------------------|-----------------------|--|-----------------------------|------------------------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | بِلَادِي الْحَبِيبَةِ | -Bertanya pengetahuan sedia ada murid. | 20/45 | 44% |

| | | | | | |
|---|----------------------|------------------------|---|-------|-----|
| 2 | SK Meru | بِلَادِي الْحَبِيْبَةُ | -Menggunakan istilah <i>lughatul fasl</i> | 30/45 | 67% |
| 3 | SK Taman Klang Utama | بِلَادِي الْحَبِيْبَةُ | -Menggunakan gambar bangunan | 40/45 | 89% |

Jadual di atas menunjukkan gambaran tentang peratusan kefahaman murid-murid dan tumpuan yang diberikan kepada pengajaran guru semasa proses persediaan kelas, atau *set induksi* melalui pemerhatian penyelidik.

Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah mencatatkan tumpuan murid-murid sebanyak 44 peratus semasa guru bertanyakan pengetahuan sedia ada murid-murid semasa persediaan kelas.

Di Sekolah Kebangsaan Meru pula mencatatkan peratus tumpuan murid sebanyak 67 peratus semasa guru menggunakan istilah *lughatul fasl* sebagai pendekatan dalam menjalankan set induksi.

Berbanding dua sekolah yang disebutkan di atas, Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama mencatatkan jumlah peratusan tertinggi dengan catatan sebanyak 89 peratus apabila guru menggunakan gambar sebagai pendekatan set induksi dalam menarik tumpuan murid.

4.4.5 Pelaksanaan teknik *muhawarah* oleh guru

Berkaitan teknik *muhawarah* yang digunakan oleh guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah ini, penyelidik telah menjalankan kajian dan tinjauan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Penyelidik membahagikan dapatan kajian berkaitan sub topik ini kepada tiga bahagian, iaitu teknik pelaksanaan *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

4.4.5.1 Pelaksanaan teknik *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Penyelidik telah menjalankan tinjauan di sebuah kelas di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan teknik *muhawarah* di kalangan sampel kajian. Semasa tinjauan dijalankan, penyelidik mendapati guru meminta semua murid untuk menyebutkan tajuk topik secara beramai-ramai. Dalam kes ini, tajuk yang dipilih ialah بِالَادِي الْحَبِيبَةُ [bilaadil habib].

Murid menyebut tajuk topik tersebut dengan baik dengan dibimbing oleh guru. Guru meminta murid untuk mengulang beberapa kali tajuk topik tersebut. Hal ini bagi membiasakan murid menyebut perkataan tersebut dengan cara dan lafaz yang betul.

Untuk langkah seterusnya, guru telah meminta murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan membaca petikan *muhawarah* tersebut dengan cara murid lelaki bertanya, manakala murid perempuan menjawab.

Selepas selesai membaca petikan dialog atau *muhawarah* tersebut, guru meminta murid perempuan pula menyoal, manakala murid lelaki menjawab. Setelah selesai sesi tersebut, guru memberikan makna bagi setiap perkataan dalam *muhawarah* tersebut.

Pada perkara ini, penyelidik melihat keberkesanan pendekatan yang meminta murid membacakan *muhawarah* secara bergilir-gilir antara murid lelaki dan perempuan. Aktiviti ini secara tidak langsung menyebabkan semua murid tanpa terkecuali membacakan *muhawarah* atau dialog tersebut. Ia juga menyebabkan semua murid mengambil bahagian dalam aktiviti *muhawarah* ini.

Selain daripada itu, peranan guru yang memberikan makna serta terjemahan bagi setiap perkataan dalam *muhawarah* ini, membantu secara tidak langsung pemahaman dan pengetahuan murid berkenaan apa yang mereka bacakan.

Pada sesi akhir proses pengajaran dan pembelajaran terhadap topik *muhawarah* tersebut, guru telah memberikan lembaran kerja bagi mengukuhkan pemahaman murid terhadap topik tersebut. Untuk latihan ini, guru telah meminta murid menyalin lembaran kerja yang terdapat dalam buku teks ke dalam buku tulis masing-masing.

Penyelidik mendapati dengan tugas yang diberikan guru ini, murid dapat memahami apa yang disampaikan dan dipelajari berkenaan topik pada hari itu.

4.4.5.2 Pelaksanaan kaedah *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Meru

Semasa menjalankan tinjauan di Sekolah Kebangsaan Meru bagi mendapatkan data dan maklumat, penyelidik telah melihat pendekatan yang dijalankan oleh guru bagi melaksanakan kaedah *muhawarah*.

Sebelum guru memulakan aktiviti *muhawarah*, guru telah meminta murid-murid menyebutkan beberapa ibu negara dan ibu negeri di Malaysia. Untuk tujuan ini, guru telah menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan.

Berikut merupakan contoh soalan-soalan yang diberikan guru :

مَا عَاصِمَةُ مَالِزِيَا؟

مَا عَاصِمَةُ وِلَايَةِ سَلَانْجُورِ؟

مَا عَاصِمَةُ وِلَايَةِ جُوهُورِ؟

مَا عَاصِمَةُ وِلَايَةِ كَلَنْتَنْ؟

Murid-murid menjawab setiap soalan yang diajukan berpandukan pengetahuan sedia ada mereka. Seterusnya guru bertanyakan soalan kepada murid-murid berkenaan produk-produk yang dihasilkan oleh Malaysia dalam Bahasa Arab. Berikut contoh soalan yang dikemukakan guru.

مَا إِنْتِاجُ مَالِزِيَا؟

Kemudian murid-murid menjawab soalan yang diberikan berpandukan keterangan yang terdapat dalam buku teks. Berikut merupakan contoh jawapan murid yang diberikan kepada guru :

نَخِيلٌ = kelapa sawit

الْمَطَاطُ = getah

الزَّيْتُ = minyak

النَّارَجِيلُ = kelapa

Selepas itu, guru telah meminta seorang murid lelaki dan dua orang murid perempuan secara sukarela untuk melakonkan watak *muhawarah* berpandukan buku teks. Dalam isi kandungan topik muhawarah yang bertajuk **بِلَادِي الْحَبِيبَةِ** [bilaadil habibah] yang bermaksud “*Negaraku Yang Tercinta*”, terdapat tiga orang watak atau pelakon, iaitu seorang murid lelaki dan dua orang murid perempuan.

Seramai tiga orang murid, iaitu seorang murid lelaki dan dua orang murid perempuan telah keluar hadapan kelas dan memulakan *muhawarah* (dialog). Disamping mereka melakukan *muhawarah*, rakan-rakan lain memberikan perhatian kepada aktiviti yang disampaikan.

Selain daripada itu, penyelidik mendapati guru membetulkan beberapa kesilapan kecil yang dilakukan oleh murid semasa mereka menyebut beberapa perkataan Bahasa Arab dalam *muhawarah* yang dilakonkan oleh mereka. Sebagai contoh perkataan yang dibetulkan oleh guru ialah :

الْمَطَّاطَ kepada الْمَطَّاطَ [almattat] kepada [almatat]

Selepas itu, guru meminta murid-murid tadi bertukar peranan dan watak dalam *muhawarah* tersebut. Hal ini bagi membiasakan murid-murid dengan perkataan-perkataan atau istilah-istilah baru yang terdapat dalam Bahasa Arab.

Penyelidik juga mendapati guru menerangkan tentang peranan *dhomir* atau kata ganti nama yang terdapat dalam *muhawarah* tersebut. Guru menerangkan tentang perbezaan antara *dhomir* lelaki dan *dhomir* perempuan serta contoh-contohnya.

4.4.5.3 Pelaksanaan teknik *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama

Tinjauan yang telah dibuat oleh penyelidik di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama mendapati, guru yang mengajar subjek Bahasa Arab tahun enam di sini telah menggunakan pendekatan lakonan dan pertandingan dalam teknik *muhawarah* yang terdapat dalam buku teks.

Bagi tujuan ini, guru telah meminta setiap kumpulan di dalam kelas melantik wakil mereka ke hadapan kelas. Setelah terdapat tiga pasangan yang mewakili tiga kumpulan, guru meminta setiap pasangan tadi melakukan *muhawarah* berpandukan buku teks.

Apa yang menariknya di sini ialah, guru akan mencari dan mengumumkan pasangan terbaik dalam melakukan *muhawarah* tersebut. Hal ini secara tidak langsung membuatkan murid-murid berusaha untuk melakukan dengan baik supaya menjadi pemenang.

Semasa *muhawarah* dijalankan, guru membimbing setiap pasangan supaya dapat menyebutkan intonasi setiap perkataan dengan baik. Selain daripada itu, guru juga memberikan makna dan terjemahan untuk setiap perkataan dan ayat yang dibaca oleh murid-murid.

Di sini, guru telah memberikan beberapa istilah yang terkandung dalam topik mata pelajaran tersebut. Contoh-contoh istilah adalah seperti berikut :

- عَاصِمَةُ الْوَلَايَةِ [asimatul wilayah] = ibu negeri
- الْمَدِينَةُ التَّارِيخِيَّةُ [al-madina attarikhiah] = bandar bersejarah

Selepas guru mengumumkan pemenang bagi pasangan murid yang mendapat tempat terbaik, guru telah meminta semua murid untuk mengikuti bacaan *muhawarah* pasangan tersebut.

Setelah daripada itu, guru meminta murid-murid yang lain mencari pasangan masing-masing untuk melakonkan *muhawarah* sesama sendiri sambil dipantau dan diselia oleh guru. Murid juga diminta untuk bertukar-tukar watak sebagai cara untuk membiasakan menyebut perkataan-perkataan dan istilah-istilah yang baru.

Dalam tinjauan yang dilakukan ini juga, penyelidik melihat guru memberikan latihan sebagai kerja rumah murid-murid. Latihan yang diberikan ini pula adalah berdasarkan topik yang dipelajari pada hari tersebut, iaitu topik *بِلَادِي الْحَبِيْبَةُ* [bilaadil habibah].

Di sini, penulis melihat aktiviti bersepadu yang dilakukan oleh guru Bahasa Arab terbabit, yang mana selain proses pengajaran yang efektif, guru tersebut juga memberikan lembaran kerja kepada murid sebagai pengukuhan bagi pelajaran yang dipelajari pada waktu itu.

Selain itu, pendekatan guru yang melakukan aktiviti *muhawarah* berbentuk pertandingan menyebabkan daya kompetensi murid-murid sangat tinggi. Hal ini menyebabkan mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mempersembahkan *muhawarah* kepada rakan-rakan mereka dengan lebih baik.

4.5 Kelebihan kaedah *muhawarah* dalam pengajaran.

Sesungguhnya kaedah *muhawarah* ini mempunyai kelebihan dan faedahnya yang tersendiri dari segi aktiviti pengajaran guru. Selain dapat meningkatkan kefahaman murid-murid tentang tajuk yang diajar, guru dapat memindahkan sedikit tugas yang hanya berpusatkan kepada guru (cara tradisi) kepada tugas yang berpusatkan kepada murid.

Hal ini kerana, apabila aktiviti pengajaran menggunakan teknik *muhawarah*, majoriti guru-guru Bahasa Arab akan meminta murid-murid yang membacakan atau melakonkan kaedah tersebut.

Perkara ini juga secara tidak langsung dapat membina sikap berani dan yakin dalam diri setiap murid. Ini kerana, setiap sesi *muhawarah* yang dijalankan, memerlukan murid-murid membaca atau melakonkan watak yang terdapat dalam topik *muhawarah* tersebut.

Selain daripada itu, murid-murid ini akan membacakan atau melakonkan watak tersebut dihadapan murid-murid yang lain. Maka oleh kerana itulah, sikap berani dan yakin diri akan terbina secara tidak langsung dalam diri murid-murid ini.

Antara kelebihan teknik *muhawarah* ini juga, ianya dilihat dapat menarik perhatian murid-murid terhadap sesi pengajaran guru. Hal ini kerana, pusat pengajaran guru pada ketika itu telah dipindahkan kepada murid-murid. Justeru, segala bentuk

muhawarah dan dialog dalam *muhawarah* tersebut akan dibaca dan dihayati oleh murid-murid dalam kelas tersebut.

Disamping itu, murid-murid yang melakonkan watak dalam *muhawarah* tersebut adalah terdiri daripada rakan-rakan sekelas mereka. Dalam tinjauan ini, penyelidik mendapati murid-murid sangat seronok dan teruja apabila melihat rakan-rakan mereka melakonkan watak mengikut watak dalam *muhawarah* tersebut. Hal ini secara tidak langsung menumpukan perhatian mereka terhadap perjalanan aktiviti *muhawarah* tersebut.

Selain itu, kaedah *muhawarah* ini sebenarnya dapat melatih murid-murid menyebut setiap fonologi perkataan bahasa Arab dengan betul dan tepat. Ini kerana, setiap ayat yang terdapat dalam dialog *muhawarah*, dibantu dengan baris bagi setiap perkataan. Ianya dapat mengelakkan murid menyebut perkataan tersebut dengan salah.

Latihan-latihan dan lembaran kerja berpandukan *muhawarah* juga dilihat sangat membantu murid-murid dalam memahami isi kandungan pelajaran. Dengan lembaran kerja yang diberikan, murid-murid akan mencari jawapan bagi setiap soalan daripada isi kandungan *muhawarah* yang terdapat dalam buku teks.

Penyelidik juga mendapati, topik-topik *muhawarah* yang terdapat dalam buku teks tahun enam ini, dipersembahkan dengan cara yang sangat baik dan berkesan. Ilustrasinya yang mesra pembaca juga dilihat membantu murid dalam memfokuskan perhatian mereka terhadap pengajaran guru.

4.6 Kelemahan kaedah *muhawarah* dalam pengajaran

Berkaitan kelemahan teknik *muhawarah* dalam pengajaran guru, penyelidik tidak menafikan tentang perkara ini. Antara beberapa kelemahan yang dapat diperhatikan oleh penyelidik di sini antaranya ialah :

a) Guru tidak membuat persediaan sepenuhnya.

Bagi menjalankan teknik dan kaedah *muhawarah* ini, guru seharusnya bersedia sepenuhnya semasa proses pengajaran terhadap murid-murid. Tanpa persediaan yang rapi, kaedah *muhawarah* ini dilihat tidak mencapai objektifnya. Malahan, ia akan menampakkan pengajaran guru menjadi sumbang dan tidak kena pada pandangan murid.

b) Murid tidak memberikan kerjasama.

Semasa melakukan tinjauan di tiga buah sekolah ini, penyelidik mendapati ada sebilangan murid yang tidak memberikan kerjasama terhadap pengajaran guru. Ini dapat diperhatikan apabila mereka menolak untuk membaca atau melakonan watak *muhawarah* yang diminta oleh guru.

Apabila ditanya apakah alasan mereka untuk tidak melakonan watak tersebut, mereka menjawab mereka malu jika berlaku sebarang kesalahan dan segan untuk

kehadapan. Guru pula terpaksa meminta murid yang lain untuk melakonkan watak *muhawarah* di hadapan kelas.

c) Hanya sebilangan murid terlibat.

Kaedah *muhawarah* ini dilakukan di dalam kelas, tetapi bukan semua murid yang dapat menyertainya. Ini kerana, ianya terhad kepada beberapa watak untuk didialogkan, berpandukan kepada watak yang terdapat di dalam buku teks murid-murid. Ini menyebabkan hanya sebilangan kecil murid-murid yang terpilih yang dapat menyertai aktiviti *muhawarah* tersebut. Manakala murid-murid yang lain hanya menjadi pendengar dan penonton sahaja.

Sungguhpun hanya menjadi penonton kepada lakonan *muhawarah* yang dibawa oleh rakan-rakan mereka, tidak semua murid yang menumpukan perhatian kepada sesi pembelajaran. Hal ini menyebabkan proses pengajaran oleh guru tidak sampai kepada segolongan murid ini.

4.7 Pembelajaran *Muhawarah* Dikalangan Murid-murid.

4.7.1 Pemahaman awal murid-murid tentang *muhawarah*.

Setelah melihat corak pengajaran guru yang menggunakan teknik *muhawarah*, dalam bab ini pula, penyelidik ingin mengutarakan berkenaan pembelajaran murid-murid melalui teknik ini.

Sebelum itu, hasil daripada soal-selidik dan temubual antara penyelidik dan sampel kajian, iaitu murid-murid tahun enam di tiga buah sekolah yang dikaji ini, rata-rata dikalangan mereka ini, sudah biasa dengan kaedah *muhawarah*.

Mereka mengatakan bahawa mereka sudah terdedah dengan teknik ini sejak berada dari tahap satu lagi, iaitu di tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Rata-rata mereka tidak kekok dengan kaedah yang digunakan oleh guru mereka ini.

Selain daripada itu, pengajaran dan pembelajaran yang mereka terima dari sekolah rendah agama disebelah petang pula, mengukuhkan lagi pemahaman mereka terhadap kaedah *muhawarah* ini.

Cuma sedikit perbezaan antara *stail* atau gaya pembelajaran di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah agama, sekolah rendah kebangsaan lebih menitik beratkan pendekatan komunikatif, manakala pendekatan di sekolah rendah agama, lebih berbentuk nahu dan hafalan.

Walaupun demikian, majoriti dikalangan murid-murid, mereka sudah biasa dan terdedah dengan kaedah *muhawarah* ini. Ini sekali gus memudahkan guru-guru bahasa Arab mudah untuk menggunakan kaedah ini terhadap pengajaran mereka.

Menurut pandangan penyelidik, ada dikalangan murid-murid ini yang teruja dengan kaedah serta pendekatan *muhawarah* ini. Hal ini kerana, apabila guru meminta murid-murid untuk melakonkan watak *muhawarah* dan membacanya, ramai dikalangan murid-murid yang bersemangat untuk menyertai aktiviti tersebut.

Ini menunjukkan bahawa murid-murid sangat seronok dan teruja dengan teknik yang menggunakan dialog ini. Perkara ini secara tidak langsung dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran guru terhadap murid-murid berkenaan topik serta tajuk yang ingin diajarkan pada hari itu.

Pun begitu, terdapat juga segelintir dikalangan murid-murid ini yang malu untuk ke hadapan atas alasan takut salah. Ada antara mereka yang diminta berulang kali untuk membaca *muhawarah* tersebut di hadapan rakan-rakan mereka.

Penyelidik juga mendapati murid-murid ini semasa awal pembelajaran mereka, tidak memahami dengan mendalam apakah isi kandungan dalam buku teks yang digunakan oleh guru. Ini menyebabkan guru perlu untuk menerangkan dan melakukan *set induksi* (persediaan kelas) semasa awal proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun demikian, pendekatan guru yang menarik menyebabkan teknik *muhawarah* ini sangat diminati oleh murid-murid dan dapat menarik perhatian murid-murid terhadap pengajaran guru.

Perkara ini dapat dilihat apabila pihak Kementerian Pelajaran Malaysia menggunakan teknik *muhawarah* ini dalam semua topik buku teks mata pelajaran Bahasa Arab tahun enam.

4.7.2 Analisis Kajian Soal Selidik Murid-murid Terhadap Kaedah *Muhawarah*.

(a) Berbentuk objektif

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan pandangan murid-murid terhadap kaedah *muhawarah*, satu soal selidik telah dilakukan oleh penyelidik. Melalui borang yang diedarkan kepada murid-murid tahun enam di SK Sungai Kapar Indah, SK Meru dan SK Taman Klang Utama, beberapa soalan yang telah ditentukan, perlu dijawab sepenuhnya oleh mereka. Berikut merupakan rumusan keputusan hasil daripada jawapan melalui borang soal selidik berbentuk skala *likert*:

Jadual 4.11 : Rumusan kajian soal selidik

| Bil | Item soal selidik | Rumusan keputusan |
|------------|--|---|
| 1 | Adakah anda meminati mata pelajaran Bahasa Arab ? | - Majoriti murid-murid di sekolah kajian bersetuju untuk meminati mata pelajaran Bahasa Arab. |
| 2 | Adakah anda memahami mata pelajaran Bahasa Arab ? | - Majoriti murid-murid di sekolah kajian dapat memahami mata pelajaran ini dengan baik. Walaupun demikian, segelintir murid memahaminya pada tahap sederhana. |
| 3 | Adakah anda akan terus mempelajari Bahasa Arab ? | - Majoriti murid-murid di sekolah kajian bersetuju untuk terus mempelajari Bahasa Arab. Terdapat juga dikalangan murid yang menjawab pada skala sederhana (skala 3) |
| 4 | Adakah kaedah <i>muhawarah</i> lebih mudah difahami dalam Bahasa Arab? | - Majoriti murid-murid di sekolah kajian bersetuju mengatakan bahawa kaedah <i>muhawarah</i> lebih mudah difahami. |
| 5 | Adakah anda meminati kaedah <i>muhawarah</i> ? | - Majoriti murid-murid di sekolah kajian bersetuju memilih kaedah <i>muhawarah</i> sebagai kaedah pembelajaran bahasa Arab yang diminati. |

Jadual di atas merupakan rumusan secara umum berkenaan respon daripada murid-murid di SK Sungai Kapar Indah, SK Meru dan SK Taman Klang Utama. Soalan-soalan yang penyelidik berikan kepada murid-murid ini adalah berkisarkan pembelajaran bahasa Arab, dan juga tanggapan mereka tentang kaedah *muhawarah*.

Secara umumnya penyelidik melihat, majoriti pandangan murid-murid terhadap pembelajaran bahasa Arab adalah pada tahap yang positif. Walaupun ada dikalangan mereka yang menjawab pada skala 3 (sederhana) pada sesetengah soalan, seperti adakah mereka akan meneruskan pembelajaran bahasa Arab pada masa akan datang, ramai juga dikalangan mereka yang meminati bahasa ini, dan akan terus mempelajarinya.

(b) Berbentuk subjektif

Pada borang soal selidik ini juga, penyelidik ada menyertakan soalan berbentuk subjektif. Soalan tersebut adalah berkenaan tentang adakah murid-murid tahun enam ini meminati kaedah *muhawarah* sebagai kaedah yang diguna pakai dalam mempelajari bahasa Arab.

Jawapan yang diberikan oleh murid-murid di tiga buah sekolah ini majoritinya adalah positif, dimana kebanyakan mereka mengatakan bahawa kaedah muhawarah dapat memudahkan pemahaman mereka terhadap silibus yang diajarkan. Ada juga yang mengatakan ianya berkesan dalam konsep komunikasi bahasa Arab. Sememangnya ini dapat dilihat apabila aktiviti muhawarah dilakukan oleh murid-murid itu sendiri.

Walaupun demikian, terdapat sebilangan kecil murid-murid ini mengatakan bahawa kaedah *muhawarah* agak sedikit sukar bagi mereka yang tidak lancar bertutur dalam bahasa Arab. Mereka lebih suka dengan kaedah pengajaran guru secara sehalu

tanpa memerlukan mereka untuk melakukan perbualan dalam aktiviti *muhawarah* tersebut.

Daripada jawapan yang diberikan oleh murid-murid ini, sama ada berbentuk objektif atau subjektif, penyelidik dapat melihat penerimaan positif murid-murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab, dan juga kaedah *muhawarah* itu sendiri. Ia memberikan gambaran umum kepada penyelidik dalam meneruskan kajian *muhawarah* terhadap pembelajaran murid-murid di tiga buah sekolah ini.

4.7.3 Kesediaan murid-murid terhadap teknik *muhawarah*.

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik akan memasukkan topik kesediaan murid-murid terhadap teknik *muhawarah* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kita boleh melihat perbezaan-perbezaan yang berlaku pada kesediaan murid-murid di tiga buah sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Walaupun mempelajari silibus pembelajaran yang sama, terdapat beberapa perbezaan kecil dalam proses pembelajaran menggunakan kaedah *muhawarah* ini. Justeru, melalui topik ini, penyelidik akan membentangkan beberapa perbezaan proses pembelajaran menggunakan kaedah *muhawarah* di tiga buah sekolah kajian penyelidik.

Sebelum daripada itu, penyelidik ingin membentangkan jadual pecahan murid-murid mengikut gender di tiga buah sekolah yang menjadi bahan kajian ini.

Jadual 4.12 : Pecahan dan peratusan murid-murid lelaki.

| Bil | Sekolah | Lelaki | Peratus |
|------------|-----------------------|---------------|----------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | 22/45 | 48.8 % |
| 2 | SK Meru | 21/45 | 46.6 % |
| 3 | SK Taman Klang Utama | 19/45 | 42.2 % |

Jadual 4.13 : Pecahan dan peratusan murid-murid perempuan.

| Bil | Sekolah | Perempuan | Peratus |
|------------|-----------------------|------------------|----------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | 23/45 | 51.1 % |
| 2 | SK Meru | 24/45 | 53.3 % |
| 3 | SK Taman Klang Utama | 26/45 | 57.7 % |

Jadual di atas merupakan pecahan peratusan diantara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan tahun enam yang menjadi subjek kajian penyelidik di tiga buah sekolah di atas.

Melalui jadual yang diberikan, kita dapat melihat bahawa murid-murid perempuan telah mendominasi jumlah keseluruhan pelajar di kelas mereka. Ini dapat diketahui apabila murid-murid perempuan di SK Sungai Kapar Indah adalah seramai 23 orang (51.1%) manakala murid-murid lelaki seramai 22 orang (48.8%).

Di SK Meru pula, murid-murid perempuan adalah seramai 24 orang (53.3%) diikuti murid-murid lelaki seramai 21 orang (46.6%). Merujuk pecahan murid-murid di SK Taman Klang Utama pula, murid-murid perempuan adalah seramai 26 orang (57.7%) manakala murid-murid lelaki adalah seramai 19 orang (42.2%).

4.7.3.1 Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, penyelidik telah menjalankan tinjauan di sini, dan mendapati bahawa kebanyakan murid-murid bersedia untuk menerima pelajaran yang mempunyai teknik *muhawarah*.

Ketika tinjauan ini dijalankan, murid-murid telah membawa buku teks Bahasa Arab dan juga buku latihan Bahasa Arab mereka bagi mata pelajaran tersebut. Murid-murid ini sebenarnya telah diberikan jadual pada awal tahun dan kebiasaannya mereka membawa buku teks dan latihan mengikut jadual yang telah diberikan.

Murid-murid ini juga menurut pandangan penyelidik, mereka telah mempunyai pengetahuan sedia ada berkenaan teknik *muhawarah* yang disampaikan oleh guru mereka. Oleh sebab itu, mereka tidak kekok dengan penggunaan teknik ini.

Di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini, penyelidik mendapati adanya program kokurikulum yang dijalankan pada setiap hari Sabtu minggu kedua dan keempat pada setiap bulan. Antara program kokurikulum tersebut ialah, adanya

Persatuan Bahasa Arab peringkat sekolah. Persatuan ini disertai oleh murid-murid tahun empat, lima dan enam (tahap dua).

Melalui tinjauan penyelidik, antara pengisian dan aktiviti yang terdapat dalam persatuan ini ialah, adanya kegiatan yang berbentuk *muhawarah* seperti membaca petikan Bahasa Arab, bercerita dan lakonan ringkas yang dibimbing oleh guru. Perkara ini secara tidak langsung memberikan serba sedikit maklumat serta pengetahuan tentang *muhawarah* kepada murid-murid tahun enam khususnya.

4.7.3.2 Sekolah Kebangsaan Meru.

Melalui tinjauan penyelidik di Sekolah Kebangsaan Meru pula, penyelidik mendapati murid-murid di sini juga mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menerima pengajaran melalui teknik *muhawarah* yang disampaikan oleh guru Bahasa Arab mereka.

Ini dapat dilihat apabila mereka cuba untuk membaca teks *muhawarah* tersebut dengan sendiri. Ada juga dikalangan mereka yang mendialogkannya bersama rakan yang duduk bersebelahan dengan mereka.

Selain daripada itu, peranan guru yang memaklumkan terlebih dahulu kepada murid-murid pada hari sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran tersebut, membantu kepada kesediaan murid terhadap topik yang diajarkan oleh guru.

Melalui tinjauan ini juga, penyelidik melihat bahasa perantaraan guru yang menggunakan bahasa Arab sebagai medium pada *set induksi* kelas, menyumbang kepada kesediaan murid-murid semasa guru membuat aktiviti muhawarah. Hal ini kerana, murid-murid didapati memusatkan pemerhatian dan tumpuan mereka kepada pengajaran guru yang akan berlangsung pada hari tersebut apabila guru menggunakan bahasa Arab sebagai medium pengajaran.

Murid-murid di Sekolah Kebangsaan Meru ini memaklumkan kepada penyelidik bahawa topik yang mereka pelajari sebelum ini, iaitu topik رَمَضَانَ كَرِيمٍ [ramadan karim] “*Ramadan Yang Mulia*” juga menggunakan teknik *muhawarah*. Maka oleh sebab itu, murid-murid ini tidak mempunyai masalah dalam menggunakan *muhawarah* sebagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru mereka ini.

4.7.3.3 Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula, penyelidik mendapati bahawa murid-murid juga dalam keadaan cukup bersedia untuk menerima pengajaran yang menggunakan teknik *muhawarah*.

Seperti juga Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Meru, pengajaran dan pembelajaran yang lepas, yang menggunakan teknik *muhawarah*, telah memberikan murid-murid maklumat dan pengetahuan berkenaan teknik ini. Ini

juga secara tidak langsung memudahkan guru untuk menyampaikan sukatan pelajaran menggunakan teknik *muhawarah*.

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan kokurikulum sekolah ini juga, memainkan peranannya dalam kesediaan murid-murid terhadap kaedah *muhawarah*. Ini dapat dilihat apabila guru-guru bahasa Arab melalui program j-QAF mengadakan beberapa aktiviti bahasa Arab yang melibatkan *muhawarah*.

Atas semua faktor-faktor ini, kesediaan murid-murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini, dilihat mempunyai kesediaan dalam menerima pengajaran dan pembelajaran melalui teknik dan kaedah *muhawarah* kepada mereka.

Jadual 4.14 : Taburan kesediaan murid-murid terhadap teknik *muhawarah*.

| Bil | Sekolah | Faktor kesediaan | Jumlah kesediaan murid | Peratus kesediaan murid |
|------------|-----------------------|---|-------------------------------|--------------------------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | Penerimaan awal jadual waktu pembelajaran harian. | 41/45 | 91% |
| 2 | SK Meru | Pemakluman awal guru kepada murid. | 43/45 | 95.5% |
| 3 | SK Taman Klang Utama | Aktiviti kokurikulum yang diadakan. | 40/45 | 88.8% |

Jadual taburan di atas menunjukkan tahap kesediaan murid-murid di tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama terhadap pembelajaran yang menggunakan teknik *muhawarah* melalui pemerhatian penyelidik semasa melakukan kajian.

Sekolah Kebangsaan Meru menunjukkan peratusan tertinggi kesediaan murid terhadap kaedah *muhawarah*, iaitu sebanyak 95.5%. Antara faktor-faktor yang menyumbang kesediaan murid di sini ialah, pemakluman awal guru bahasa Arab kepada murid-murid berkenaan topik yang akan diajarkan kepada mereka.

Ia diikuti dengan Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, iaitu sebanyak 91% kesediaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran *muhawarah*. Faktor penyebab kesediaan ini ialah penerimaan jadual waktu yang diberikan oleh guru-guru pada awal tahun. Perkara ini menyebabkan murid-murid lebih bersedia dengan pengajaran guru yang menggunakan kaedah *muhawarah*.

Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula berada pada kedudukan ketiga peratus kesediaan murid-murid, iaitu sebanyak 88.8%. Manakala faktor yang menyumbang pada tahap kesediaan murid-murid ini terhadap kaedah *muhawarah* ialah, aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pihak kokurikulum sekolah, yang mana Persatuan Bahasa Arab yang ditubuhkan, membantu dalam pemahaman dan kesediaan murid terhadap teknik *muhawarah*.

4.7.4 Penerimaan pembelajaran murid-murid ketika *muhawarah*.

Berkenaan penerimaan murid-murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran *muhawarah* berlangsung, penyelidik membahagikan kepada tiga bahagian sekolah. Di sini, penyelidik ingin melihat *paten* dan corak penerimaan murid-murid terhadap teknik *muhawarah* ini.

Seperti mana kesediaan murid-murid terhadap teknik *muhawarah*, penyelidik juga mendapati terdapatnya beberapa perbezaan antara murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Hal ini adalah disebabkan beberapa faktor yang memungkinkan ianya berlaku. Sebagai contoh, tahap kognitif yang berbeza antara murid-murid menyebabkan tahap penerimaan ketika proses *muhawarah* menjadi berbeza-beza.

Selain daripada itu, tahap pengetahuan sedia ada murid-murid juga merupakan antara penyebab berlakunya perbezaan tahap penerimaan antara mereka. Bagi murid-murid yang mempunyai perbendaharaan yang banyak tentang Bahasa Arab, mereka tidak menghadapi sebarang masalah dalam menerima pengajaran ataupun topik yang menggunakan teknik serta kaedah *muhawarah*.

Berbeza dengan murid yang mempunyai perbendaharaan kata yang kurang, ia sedikit sebanyak memberikan masalah dalam proses pembelajaran mereka. Walaupun

demikian, penyelidik melihat majoriti murid-murid ini tidak mempunyai sebarang masalah dalam menjalankan proses pembelajaran dengan menggunakan kaedah *muhawarah* ini.

4.7.4.1 Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini, penyelidik melihat bahawa murid-murid ini menerima dengan baik teknik *muhawarah* yang diguna pakai oleh guru mereka. Melalui pemerhatian penyelidik, ini dapat dilihat apabila lebih daripada 90 peratus murid-murid ini memberikan tumpuan kepada pengajaran guru. Penyelidik mendapati, dengan bantuan buku teks yang dibekalkan secara percuma oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kepada mereka, mereka dapat merujuk serta menggunakan buku teks semasa proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik *muhawarah* oleh guru mereka.

Hal ini kerana, penyelidik mendapati, ketika guru sedang menyampaikan isi kandungan topik menggunakan kaedah *muhawarah*, mereka dapat mengikuti perjalanan kelas dengan berpandukan buku teks mereka. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan mereka tidak ketinggalan daripada topik yang diajar oleh guru.

Selain daripada itu, penyelidik juga mendapati terdapatnya respon dan tindak balas yang baik dikalangan murid-murid. Mereka didapati ada bertanyakan soalan-soalan kepada guru Bahasa Arab mereka berkenaan topik yang diajar. Ini secara tidak

langsung menunjukkan mereka mempunyai sikap dan sifat ingin tahu kepada pembelajaran mereka pada hari itu.

Antara soalan yang diajukan murid kepada guru ialah, berkenaan makna bagi istilah **الْعَلْمُ الْوَطَنِيُّ** [al'alam alwaṭani] dalam topik **الْإِحْتِفَالُ بِالْيَوْمِ الْوَطَنِيِّ** [alihtifal bilyaumil watani]. Dalam topik tersebut juga, ada diantara murid yang bertanyakan penggunaan dan perbezaan antara dhamir (**ضَمِير**) lelaki dan perempuan. Perkara ini menunjukkan secara tidak langsung bahawa mereka memberikan tumpuan sewajarnya terhadap pengajaran guru pada ketika itu.

Dalam tinjauan untuk sub topik penerimaan murid-murid ketika berlangsungnya teknik *muhawarah* ini, beberapa orang murid didapati diminta oleh guru mereka untuk mendialogkan *muhawarah* dalam topik di buku teks secara berpasang-pasangan. Melalui bacaan *muhawarah* secara berpasang-pasangan tersebut, murid-murid ini membaca petikan setiap dialog dengan penuh tumpuan serta dibantu oleh guru.

Melalui kaca mata penyelidik, semasa murid-murid menerima pengajaran melalui teknik *muhawarah* ini, murid-murid dapat mengikutinya dengan baik. Segala ayat-ayat dan istilah-istilah yang terdapat dalam petikan, dapat dibaca dengan baik. Setelah guru meminta wakil murid membaca petikan *muhawarah* di hadapan, seterusnya guru meminta murid-murid pula membaca petikan *muhawarah* dalam buku teks yang dipelajari bersama dengan pasangan masing-masing yang duduk

bersebelahan dengan mereka. Ini bermakna, semua murid tanpa terkecuali dapat membaca petikan tersebut bersama-sama.

Setelah murid-murid membaca petikan *muhawarah* bersama pasangan masing-masing, penyelidik melihat murid-murid cuba untuk menghafal beberapa istilah dari topik yang dipelajari. Contoh istilah-istilah yang dihafal oleh murid-murid ialah :

1- الْيَوْمُ الْوَطَنِيُّ [alyaumul watani]

3- الْعَلْمُ الْوَطَنِيُّ [al'alam alwatani]

2- الْمَسِيرَةُ [almasirah]

4- الْأَغْنِيَةُ الْوَطَنِيَّةُ [alughniyati wataniah]

4.7.4.2 Sekolah Kebangsaan Meru

Proses pembelajaran melalui teknik *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Meru pula adalah hampir sama dengan proses pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah. Di sini, murid-murid yang dikaji menumpukan sepenuh perhatian dan pandangan mereka kepada pengajaran guru yang menggunakan kaedah *muhawarah* ini.

Murid-murid pada awal proses pembelajaran kelas, telah disiagakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Arab dengan ucapan-ucapan yang menggunakan *lughatul fasl*. Contoh-contoh ucapan *lughatul fasl*, atau ucapan-ucapan ringkas yang digunakan oleh guru di dalam kelas adalah :

كَيْفَ حَالِكُمْ [kaifa halukum]-

مَاذَا تَعْمَلُونَ- [maza ta'malun]

صَبَّاحُ الْخَيْرِ- [sabahul khair]

اِفْتَحُوا كِتَابِكُمْ- [iftahu kitabakum]

Penyelidik mendapati apabila murid-murid dirangsang oleh istilah-istilah *lughatul fasl* ini, tumpuan mereka seolah-olah terarah kepada apa yang akan dipelajari oleh guru mereka pada waktu itu. Perkara ini dapat digunakan oleh guru untuk menarik perhatian murid-murid ke arah aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada masa itu.

Semasa murid-murid ini berada dalam kondisi pembelajaran, penyelidik mendapati majoriti murid-murid ini tidak melakukan perkara lain, kecuali menumpukan perhatian kepada topik yang dipelajari tersebut.

Murid juga memberikan respon dan tindak balas yang positif terhadap pengajaran guru. Ini dapat dilihat apabila murid-murid yang ditanya oleh guru dapat memberikan jawapan dengan baik. Pun begitu, terdapat juga murid-murid tidak dapat memberikan jawapan yang dikehendaki oleh guru. Walaupun demikian, penyelidik memandang positif perkara itu, kerana sekurang-kurangnya murid ini ada daya usaha untuk mencuba menjawab soalan yang diberikan oleh guru mereka.

4.7.4.3 Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Tinjauan yang penyelidik lakukan di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula mendapati majoriti murid-murid tahun enam yang menjadi sampel kajian penyelidik ini, turut memberikan tumpuan yang baik kepada pengajaran guru, seperti di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Meru.

Di kelas yang menjadi tinjauan penyelidik ini, murid-murid bersaing untuk mewakili kumpulan masing-masing untuk membaca *muhawarah* berpandukan buku teks dihadapan rakan-rakan mereka. Mereka menganggap persaingan ini akan memberikan bonus kepada kumpulan mereka. Justeru, mereka dilihat bersungguh dalam mewakili kumpulan mereka untuk membacakan teks *muhawarah*.

Disamping itu, murid-murid didapati menyusuli pembelajaran mereka pada hari tersebut dengan melakukan latihan dan lembaran kerja seperti yang diarahkan oleh guru mereka. Bagi lembaran kerja yang dimaksudkan ini, murid-murid telah menyediakan buku rampaian khusus untuk kerja-kerja rumah yang melibatkan pelajaran Bahasa Arab.

Kebiasaannya, guru akan meminta murid-murid menyiapkan lembaran kerja dan dihantar pada keesokan harinya. Lembaran kerja ini sebenarnya bertujuan untuk mengukuhkan lagi kefahaman murid-murid terhadap topik yang diajar oleh guru kepada mereka pada hari itu.

Semasa guru memberikan latihan kepada murid-murid, penyelidik mendapati murid-murid ini ada membuat perbincang sesama rakan-rakan berkenaan penyelesaian masalah kepada latihan yang diberikan kepada mereka. Ada juga dikalangan mereka yang bertanyakan pendapat guru mereka tentang jawapan mereka, samada menepati atau tidak terhadap kehendak soalan.

Jadual 4.15 : Taburan penerimaan murid-murid semasa aktiviti *muhawarah*.

| Bil | Sekolah | Aktiviti semasa murid menerima teknik <i>muhawarah</i> | Jumlah penerimaan murid semasa <i>muhawarah</i> | Peratus penerimaan murid semasa <i>muhawarah</i> |
|------------|-----------------------|--|--|---|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | Merujuk buku teks ketika proses p&p | 43/45 | 96% |
| 2 | SK Meru | Murid-murid memberikan respon yang baik terhadap soalan guru | 40/45 | 89% |
| 3 | SK Taman Klang Utama | Murid-murid mewakili kumpulan masing-masing semasa pembentangan <i>muhawarah</i> . | 41/45 | 91% |

Jadual di atas menunjukkan taburan penerimaan murid-murid semasa teknik *muhawarah* dijalankan di kelas masing-masing melalui pemerhatian penyelidik ketika melakukan kajian. Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah menunjukkan peratusan sebanyak 96 peratus.

Antara contoh penerimaan murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah ini semasa berlangsungnya aktiviti *muhawarah* adalah, mereka merujuk buku teks semasa membaca dialog *muhawarah* tersebut.

Sekolah Kebangsaan Meru pula mencatatkan peratusan sebanyak 89 peratus penglibatan murid-murid ketika aktiviti *muhawarah* berlangsung. Kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh murid-murid ini semasa berlangsungnya *muhawarah* ialah, murid-murid memberikan respon dan tindak balas kepada soalan-soalan yang diberikan guru kepada mereka.

Manakala Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama dilihat mempunyai peratusan sebanyak 91 peratus. Di sini, penyelidik melihat antara perkara yang dilakukan oleh murid-murid adalah, mereka bersaing untuk mewakili kumpulan masing-masing supaya dapat mempersembahkan dan membentangkan topik *muhawarah* yang dipelajari pada hari tersebut.

4.8 Implikasi teknik *muhawarah* ke atas pembelajaran murid.

Selepas melihat paten dan corak penerimaan murid-murid semasa *muhawarah*, dalam bab ini, penyelidik ingin membentangkan berkenaan penerimaan murid-murid terhadap pembelajaran selepas berlakunya pengajaran dengan teknik *muhawarah*. Dalam erti kata lain, adakah teknik *muhawarah* tersebut memberikan kesan terhadap proses pembelajaran murid-murid ini.

Semasa proses pengajaran yang disampaikan oleh guru kepada murid-murid, guru subjek bahasa Arab ini telah menggunakan kemahiran dan kepakaran masing-masing dalam menyampaikan pelajaran melalui kaedah *muhawarah*. Maka, penyelidik ingin melihat keberkesanan dan implikasi teknik tersebut ke atas pembelajaran murid-murid di tiga buah sekolah ini.

Penyelidik membahagikan sub topik ini kepada tiga bahagian kecil, iaitu , implikasi kaedah *muhawarah* ke atas pembelajaran murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

4.8.1 Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah.

Semasa melakukan tinjauan, penyelidik melihat berlakunya implikasi dan kesan yang baik ke atas pembelajaran murid-murid tahun enam di sekolah ini. Ini dapat dilihat apabila majoriti murid-murid ini dapat memahami mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka dengan baik. Murid-murid juga dapat mengingat semula topik *muhawarah* yang dipelajari tersebut dengan berkesan.

Dalam mendapatkan data untuk implikasi atau kesan kaedah *muhawarah* ke atas pembelajaran murid, penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid di sekolah ini. Daripada kajian soal selidik tersebut, penyelidik melihat bahawa rata-rata murid di sini, amat meminati teknik *muhawarah* yang digunakan.

Selain dapat memberikan implikasi yang berkesan, mereka juga menyatakan bahawa teknik ini lebih menyeronokkan dan lebih mesra kepada mereka berbanding dengan teknik-teknik pengajaran yang lain. Hal ini kerana, teknik *muhawarah* ini kebiasaannya memerlukan penglibatan murid-murid untuk mendialogkan sendiri petikan *muhawarah* tersebut.

Penyelidik juga mendapati murid-murid dapat mengingat beberapa perkataan dan istilah yang terdapat di dalam topik yang dipelajari tersebut. Perkara ini menurut pandangan penyelidik adalah sangat penting kerana, penambahan perbendaharaan kata, khususnya istilah-istilah Bahasa Arab akan membantu murid-murid dalam mempelajari bahasa ini.

Melalui teknik ini juga, penyelidik melihat murid-murid telah memahami konsep *muhawarah* itu sendiri, yang mana ianya memerlukan suatu aktiviti yang memerlukan dialog antara dua orang atau lebih dalam menyampaikan suatu mesej kepada individu atau kumpulan yang lain.

4.8.2 Sekolah Kebangsaan Meru

Seperti murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, murid-murid di Sekolah Kebangsaan Meru juga mengalami implikasi yang baik terhadap pembelajaran mereka. Penyelidik mendapati, kesan daripada kaedah *muhawarah* ini,

murid-murid dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru daripada isi kandungan pembelajaran di dalam buku teks.

Pengajaran yang menarik oleh guru serta penyampaian yang berkesan di dalam buku teks memberikan impak dan kesan kepada pembelajaran murid-murid, yang mana mereka lebih bersemangat untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab.

Melalui tinjauan yang dibuat oleh penyelidik, didapati murid-murid ini mampu untuk melaksanakan tugas serta lembaran kerja yang dibekalkan kepada mereka oleh guru. Ini dapat dilihat apabila kesemua murid-murid ini menghantar tugas dan lembaran kerja yang diberikan pada keesokan harinya.

Selain daripada itu, penyelidik mendapati berlakunya peningkatan yang baik terhadap penyebutan dan fonologi perkataan-perkataan bahasa Arab. Perkara ini disebabkan bimbingan dan bantuan guru yang diberikan kepada murid-murid sewaktu berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah *muhawarah*.

Implikasi lain yang berlaku ke atas pembelajaran murid-murid ialah, mereka dapat mengetahui dan memahami ilmu tatabahasa Bahasa Arab, atau dikenali sebagai ilmu nahu. Ini dapat dilihat apabila mereka mampu untuk menukar kata kerja (فعل) daripada gender lelaki (مذكر) kepada gender perempuan (مؤنث) dan begitu juga sebaliknya.

4.8.3 Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Tinjauan yang dilakukan di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama juga mendapati bahawa kaedah dan teknik *muhawarah* yang dibawa oleh guru bahasa Arab, telah dapat mewujudkan satu kesan yang baik kepada pembelajaran murid-murid.

Seperti mana yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Meru, murid-murid di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama juga didapati dapat menerima kaedah *muhawarah* ini dengan baik.

Penyelidik mendapati bahawa peratus kefahaman murid-murid terhadap pengajaran yang diajar oleh guru, meningkat berbanding sebelum teknik *muhawarah* dilakukan. Ini dapat dilihat apabila penyelidik meminta beberapa orang murid untuk memberikan sedikit ulasan daripada apa yang mereka pelajari. Hasilnya, mereka mampu untuk mengulas semula topik yang menggunakan kaedah *muhawarah* tersebut.

Selain daripada itu, daripada kerja rumah serta latihan tambahan yang diberikan oleh guru mendapati, mereka dapat memahami kandungan isi pembelajaran dengan baik. Penyelidik telah menyemak beberapa buah buku lembaran kerja milik murid-murid kelas yang dikaji ini. Kebanyakan setiap latihan yang diberikan yang berkaitan dengan kaedah *muhawarah* ini, majoritinya dapat dijawab dengan betul dan tepat oleh murid-murid.

Penyelidik juga mendapati setelah selesainya kaedah *muhawarah* ini, murid-murid secara tidak langsung mengetahui beberapa ilmu sampingan (rentasan ilmu) seperti ilmu geografi. Sebagai contoh, melalui topik **بِلَادِي الْحَبِيبَةِ** [biladil habibah], murid-murid dapat mengetahui sumber-sumber hasil pengeluaran negara Malaysia yang dieksport ke luar negara, seperti kelapa sawit dan minyak.

Jadual 4.16 : Taburan implikasi kaedah *muhawarah* ke atas pembelajaran murid

| Bil | Sekolah | Contoh implikasi | Jumlah | Peratus |
|-----|------------------------------|--|--------------|------------|
| 1 | SK Sungai Kapar Indah | Murid memahami mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka dengan baik | 43/45 | 96% |
| 2 | SK Meru | Murid melaksanakan tugas serta lembaran kerja yang dibekalkan kepada mereka. | 40/45 | 89% |
| 3 | SK Taman Klang Utama | Murid dapat mengetahui sumber-sumber hasil pengeluaran negara Malaysia yang dieksport. | 38/45 | 84% |

Jadual taburan di atas menunjukkan tentang implikasi atau kesan kaedah *muhawarah* ke atas pembelajaran murid-murid di tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama melalui pemerhatian penyelidik.

Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah menunjukkan peratusan sebanyak 96 peratus daripada implikasi ini. Contoh kesan yang berlaku ke atas murid-murid ini adalah, murid dapat memahami mata pelajaran yang diajarkan kepada mereka selepas berakhirnya sesi pengajaran dan pembelajaran.

Di Sekolah Kebangsaan Meru pula peratusan menunjukkan sebanyak 89 peratus kesan ke atas pembelajaran murid daripada aktiviti *muhawarah* ini. Manakala kesan tersebut dapat dilihat apabila kerja rumah serta latihan yang diberikan oleh guru, dapat dilaksanakan dengan baik oleh murid-murid.

Manakala Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama pula mencatatkan peratusan sebanyak 84 peratus kesan ke atas pembelajaran murid-murid. Contoh kesan tersebut adalah pengetahuan murid berkenaan geografi khususnya tentang Malaysia bertambah selepas guru menggunakan teknik *muhawarah* dalam pengajaran.

4.9 Kelebihan kaedah *muhawarah* kepada pembelajaran murid-murid.

Setelah melakukan kajian dengan lebih terperinci di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, penyelidik mendapati banyak kelebihan yang murid dapati hasil daripada penggunaan teknik serta kaedah *muhawarah* ini dalam aktiviti pembelajaran murid. Berikut merupakan kelebihan-kelebihan yang murid-murid terima daripada pembelajaran melalui teknik serta kaedah *muhawarah* ini :

4.9.1 Murid lebih memahami isi kandungan pelajaran

Melalui pemantauan yang telah dilakukan oleh penyelidik ke atas sampel kajian, penyelidik mendapati kaedah *muhawarah* atau berdialog ini sebenarnya sangat membantu murid-murid dalam proses pembelajaran mereka.

Ini dapat dilihat dengan peratusan pemahaman serta implikasi kaedah ini ke atas pembelajaran murid-murid di tiga buah sekolah yang dikaji oleh penyelidik ini. Selain dari pemantauan melalui pemerhatian, penyelidik juga menjalankan temu bual ke atas sampel kajian (murid-murid). Melalui temu bual ini, responden-responden menyatakan mereka lebih memahami sesuatu topik pelajaran dengan teknik *muhawarah* ini berbanding dengan teknik-teknik yang lain.

Pemahaman murid-murid ini dilihat lebih kukuh lagi dengan bantuan oleh guru Bahasa Arab yang membimbing mereka. Dengan bantuan guru, murid-murid ini dapat bertanyakan sesuatu perkara atau isu yang tidak mereka fahami semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

4.9.2 Penambahan perbendaharaan kata bahasa Arab.

Dalam pelaksanaan kaedah *muhawarah* ini dalam sesuatu topik pengajaran dan pembelajaran, banyak istilah-istilah dan perbendaharaan kata Bahasa Arab yang diperolehi serta dipelajari oleh murid-murid.

Sebagai contoh perbendaharaan kata dan istilah-istilah baru yang diperolehi oleh murid-murid melalui topik *بِلَادِي الْحَبِيبَةِ* ialah :

- *عَاصِمَةٌ* [asimah] *Ibu negara* - *نَخِيلُ الزَّيْتِ* [nakhil zait] *Kelapa sawit*

- *وِلَايَةٌ* [wilayah] *Negeri* - *جَنُوبُ شَرْقِ أَسِيَا* [janub syarqi asia] *Asia*

tenggara

- *مَطَاطٌ* [matat] *Getah* - *بِلَادُنَا تَتَكُونُ مِنْ...* [biladuna tatakawwanu min...]

Negara kita terdiri daripada...

Selain memperolehi perbendaharaan dan istilah-istilah baru, murid-murid juga dapat menyebut perbendaharaan serta istilah ini dengan fonologi yang betul dan tepat dengan bantuan guru. Perkara ini menurut pandangan penyelidik sangat penting kerana, melalui latihan fonologi di sekolah, seseorang itu dapat menyebut sesuatu perkataan Bahasa Arab itu dengan betul sehingga bila-bila.

Umum mengetahui bahawa, Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang mempunyai fonnya yang pelbagai. Sebagai contoh fon *ا* adalah berbeza dengan fon *ع* .

Begitu juga fon *س* adalah berbeza dengan fon *ص* . Fon *ق* juga adalah berbeza dengan

fon *ك* .

Maka oleh sebab itulah latihan-latihan yang berterusan di sekolah dengan pemantauan oleh guru, dapat memastikan murid-murid ini dapat menyebut fon-fon bahasa Arab dengan betul dan tepat.

4.9.3 Rentasan ilmu yang diperolehi oleh murid.

Melalui kaedah *muhawarah* dalam setiap topik mata pelajaran bahasa Arab tahun enam sekolah rendah kebangsaan ini, terdapat rentasan-rentasan ilmu yang dapat diperolehi oleh murid-murid. Ini dapat kita lihat apabila pihak Kementerian Pelajaran Malaysia cuba untuk menyelitkan ilmu-ilmu seperti sains, geografi, sejarah dan berbagai-bagai lagi secara tidak langsung kepada murid-murid.

Sebagai contoh rentasan ilmu ini, adalah daripada topik **بِلَادِي الْحَبِيْبَةُ** yang mana di dalam topik tersebut, terdapat pengetahuan am berkenaan produk-produk yang dieksport oleh negara Malaysia ke luar negara seperti kelapa, kelapa sawit, minyak mentah dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung memberikan pengetahuan am kepada murid-murid selain daripada pelajaran bahasa Arab yang dipelajari.

4.9.4 Membina sikap yakin dan berani murid-murid

Selain dari mudah untuk difahami dan rentasan ilmu yang diperolehi oleh murid-murid, penyelidik juga mendapati kaedah *muhawarah* yang dibawa oleh guru ini secara tidak langsung membina sikap yakin diri dan berani murid-murid.

Ini dapat dilihat apabila semua guru bahasa Arab samada di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, meminta sebahagian murid-murid untuk membentangkan dialog *muhawarah* dihadapan rakan-rakan yang lain. Penyelidik melihat kebanyakan mereka mempunyai sifat berani untuk *bermuhawarah* atau berdialog dihaadapan guru serta rakan-rakan yang lain. Malahan, ada dikalangan murid-murid di sini yang menawarkan diri untuk mendialogkan *muhawarah* pada topik-topik yang lain pula.

4.9.5 Murid dapat memperolehi ilmu nahu dan sorof.

Melalui teknik *muhawarah* ini, murid-murid juga secara tidak langsung dapat mempelajari ilmu nahu (tatabahasa) dan sorof. Hal ini kerana, melalui nota dan maklumat tambahan yang disertakan di dalam buku teks murid-murid, terdapatnya ilmu nahu dan sorof.

Sebagai contoh paling dekat, di dalam topik *بِلَادِي الْحَبِيْبَةِ* pada muka surat 54, terdapatnya latihan berkenaan penukaran gender antara gender lelaki dan gender perempuan. Di dalam ilmu bahasa Arab, penukaran gender ini berkaitan dengan *مَذَكَّر* (muzakkar) atau *مُوَنَّث* (muannas).

Penyelidik juga mendapati, selain latihan yang melibatkan penukaran gender, terdapat juga latihan berkaitan penukaran *fiil* (*فِعْلٌ*) samada *fiil madhi* *الْفِعْلُ الْمَاضِي*, *fiil mudhari'* *الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ* atau *fiil amr* *الْفِعْلُ الْأَمْرُ*. Umum mengetahui bahawa di dalam bahasa Arab, sesuatu *fiil* (kata kerja) itu bentuknya adalah berlainan mengikut masa perlakuannya.

Perkara ini penyelidik merasakan ianya sangat penting kerana murid-murid seharusnya didedahkan dengan lebih awal tentang ilmu nahu dan sorof. Hal ini kerana, dua ilmu ini merupakan tunjang serta tulang belakang bagi mempelajari ilmu bahasa Arab. Tanpa dua ilmu ini, iaitu ilmu nahu dan sorof, seseorang itu tidak akan mampu untuk mempelajari bahasa Arab dengan baik dan efektif.

4.10 Kelemahan kaedah *muhawarah* dalam pembelajaran murid

Pada hakikatnya, penyelidik tidak menafikan wujudnya beberapa kelemahan yang terdapat di dalam teknik *muhawarah* ini. Walaupun demikian, ianya tidaklah menunjukkan bahawa teknik ini tidak bagus untuk pengajaran guru atau pembelajaran murid.

Antara kelemahan tersebut ialah, tidak semua murid yang berani untuk mendialogkan *muhawarah* tersebut apabila diminta oleh guru. Penyelidik melihat, apabila guru meminta beberapa orang murid untuk mendialogkan *muhawarah*, ada di kalangan mereka yang menolak atas alasan malu dan takut diketawakan oleh rakan apabila menuturkannya dengan salah.

Selain daripada itu, terdapat juga murid-murid yang tidak membawa buku atas alasan hilang atau terlupa. Jadi apabila aktiviti *muhawarah* dijalankan, murid-murid yang ketiadaan atau kehilangan buku ini tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik pada hari itu.

Pemilihan pasangan yang tidak sesuai atau sepadan juga merupakan antara kelemahan kaedah *muhawarah* ini. Sebagai contoh, tinjauan penyelidik di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah mendapati, sepasang murid yang diminta oleh guru untuk membacakan *muhawarah*, tidak dapat menjalankan aktiviti tersebut dengan lancar. Ini kerana, seorang murid yang menjadi pasangan tersebut tidak dapat menyebutkan ayat-ayat di dalam *muhawarah* dengan lancar.

Selain daripada itu, keadaan murid-murid yang belum bersedia untuk sesi pembelajaran juga sedikit-sebanyak menyebabkan aktiviti *muhawarah* ini tidak dapat berjalan dengan lancar. Sebagai contoh, ada di kalangan murid-murid ini tidak serius dan bermain-main ketika guru meminta mereka mendialogkan *muhawarah*. Ini menyebabkan rakan-rakan yang lain terganggu disebabkan sebilangan kecil murid-murid tersebut.

4.11 Penutup

Sebagai penutup bagi topik Dapatan Kajian ini, penyelidik mendapati bahawa teknik dan kaedah *muhawarah* ini sangat sesuai untuk dijadikan sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran.

Ini kerana, selepas melakukan tinjauan di tiga buah sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama mendapati, rata-rata murid yang mengikuti pengajaran guru Bahasa Arab yang menggunakan teknik ini dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan berkesan.

Selain daripada itu, teknik ini sebenarnya menampakkan kesan yang sangat efektif kerana semua murid dapat mengambil bahagian dalam mendialogkan *muhawarah* ini. Tugas guru juga menjadi sedikit mudah apabila tumpuan pengajaran berpusatkan guru dapat dipindahkan kepada berpusatkan murid.

Dalam melaksanakan kaedah *muhawarah* ini, setiap pihak sama ada guru dan murid haruslah bekerjasama dalam memastikan teknik ini dapat berjalan dengan baik. Guru berperanan dalam membimbing teknik *muhawarah* ini kepada murid. Manakala murid pula perlulah menumpukan sepenuh perhatian dan memberi tindak balas semasa menjalankan kaedah ini.

Teknik dan pendekatan *muhawarah* yang memerlukan aktiviti dialog dikalangan murid-murid ini tidak akan berjaya sekiranya murid-murid tidak ada rasa sifat ingin mencuba sesuatu dan rasa rendah diri jika takut salah. Sebenarnya, teknik ini secara tidak langsung mendidik murid-murid agar mempunyai sifat berani mencuba dan tidak rasa malu serta segan apabila berada dikhayalak ramai.